

## Press Clipping

# Kastam henti operasi firma tak ikut peraturan

Oleh Fazallah Pit

**P**ELABUHAN KLANG: Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Selangor menghentikan operasi beberapa syarikat operator zon perdagangan bebas di sini, kerana melanggar peraturan.

Pengarahnya, Datuk Abdul Razak Yaacob, berkata antara kesalahan itu ialah melabel semula barang buatan asing kepada buatan tempatan sebelum dieksport ke Eropah.

Beliau yang enggan mendedah nama syarikat terbabit, berkata tindakan mereka bertujuan mengelak duti anti-lambakan, selain menikmati layanan mengi-

kut Program Pembekal Global (GSP).

Katanya, syarikat juga mendapati ada syarikat menjadikan aktiviti pecah pukal (break bulk) dalam zon bebas bagi menyeludup barangan seperti minuman keras dan rokok.

"Kegiatan ini menyebabkan kehilangan hasil dan imej negara terjejas dan kita terpaksa mengambil tindakan selepas arahan dikeluarkan Perbendaharaan," katanya pada sidang media pada majlis Penyerahan Kunci Pintu Masuk Kompleks Kastam di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di sini, baru-baru ini.

PKFZ berkeluasan 400 hektar yang

terletak di Pulau Indah dekat sini, adalah zon bebas perindustrian dan komersial bersepadu bagi aktiviti komersial dan pembuatan dijalankan serentak.

Ia yang dimiliki Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), menyerahkan Kompleks Kastam kepada KDRM Selangor bagi membolehkan penguatkuasaan dijalankan di zon bebas itu, mulai 1 Februari.

Kompleks dua tingkat itu adalah satu komponen PKFZ, yang menyediakan kemudahan ruang pejabat, 10 kaunter dan bilik pengimbas bagi memudahkan pemantauan aktiviti pengilangan dan

FAKTA NOMBOR

PKFZ

**400 hektar**

Keluasan

**10**

Kaunter

komersial di zon itu.

Ia menempatkan pelbagai jabatan kerajaan, antaranya Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Perkhidmatan Farmaseutikal, Imigresen dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Abdul Razak berkata, pihaknya juga menempatkan 60 pegawai secara berperingkat ke kompleks itu bagi memastikan pintu masuk dikawal ketat.

Beliau menyarankan supaya pihak berkuasa zon, khususnya Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan PKFZ supaya meningkatkan kerjasama dengan KDRM Selangor serta memberi perkhidmatan terbaik.